

# Barang niaga warga asing disita

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan sita terhadap 16 premis perniagaan warga asing dalam operasi bersepadu di sekitar kawasan utara ibu negara di sini.

DBKL memaklumkan, operasi bersepadu tersebut dijalankan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen (JIM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Menurutnya, enam Ahli Dewan Negara yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat Parlimen Malaysia turut menyertai operasi bagi melihat kaedah dan perjalanan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama agensi berkaitan.

Katanya, DBKL mengambil 16 tindakan sita mengikut Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja

(WPKL) 2016 kerana kesalahan meletakkan barangan yang berkaitan dengan perniagaan di tempat awam.

"Sebanyak empat notis kompaun turut dikeluarkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016," katanya dalam kenyataan di Facebook.

Jelasnya, JIM turut menahan 15 warga asing iaitu 14 warga Bangladesh dan seorang warga Myanmar, manakala AADK pula menahan seramai sembilan orang.

"LHDN pula membuat pemeriksaan ke atas 21 premis perniagaan dan SSM turut mengeluarkan 13 notis kompaun atas pelbagai kesalahan yang dikuatkuasakan," tambahnya.

Semua barangan yang diambil tindakan pindah halangan oleh DBKL telah dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi.



**Penguat kuasa DBKL mengangkut barang warga asing yang disita kerana meletakkannya di tempat awam.**